

BANTUAN BAIKPULIH RUMAH (SARA HIDUP)

OBJEKTIF

Membantu golongan Asnaf Fakir dan Miskin menampung kos membaikpulih rumah yang rosak dan dhaif.

KEKERAPAN

Kadar bantuan diberi sekali sahaja.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Pemohon hendaklah penduduk Islam Sarawak dan warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak.
2. Bantuan ini adalah dikhususkan kepada penerima Bantuan Sara Hidup Tabung Baitulmal Sarawak.
3. Pendapatan pemohon/keluarga mestilah kurang atau pada paras Had Al-Kifayah Asnaf Fakir dan Asnaf Miskin.
4. Keutamaan kepada pemohon yang memiliki geran tanah atas nama sendiri.
5. Pemohon tidak memiliki rumah lain selain yang kini didiami.
6. Geran tanah yang berbentuk perkongsian bersama atau pemilikan orang lain maka hendaklah mendapat surat kebenaran pemilik tanah dan perlu mendapat persetujuan bersumpah pemilik tanah.
7. Dalam kes-kes tertentu, tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan pihak pengurusan Tabung Baitulmal Sarawak.

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)

1. Dokumen asas.
2. Gambar hasil siasatan (Gambar depan rumah, bersama pemohon dan tanggungan, dapur dan ruang tamu rumah).
3. Laporan baik pulih hendaklah dihantar setelah siap dibuat.
4. Bagi pembayaran melalui akaun pihak ketiga, hendaklah menggunakan Borang Kebenaran Akaun Pihak Ketiga.